

U B152 AAB

MAHATHIR-KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- KABINET PADA MESYUARAT MINGGUANNYA RABU INI AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA MALAYSIA TURUT MENYERTAI BEBERAPA NEGARA AFRIKA MEMULAUKAN SUKAN KOMANWEL DI SCOTLAND YANG BERMULA MINGGU HADAPAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KONVENSYEN BAHASA KEBANGSAAN DI UNIVERSITI MALAYA DI SINI, BELIAU BERKATA KABINET MINGGU LEPAS MENGAMBIL KEPUTUSAN BAHAWA PENYERTAAN MALAYSIA AKAN BERGANTUNG KEPADA KEPUTUSAN NEGARA-NEGARA AFRIKA.

SEMENTARA MENANTI KEPUTUSAN NEGARA-NEGARA ITU, PENDIRIAN MALAYSIA KETIKA ITU IALAH NEGARA INI AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SUKAN BERKENAAN YANG BERLANGSUNG DARI 24 JULAI HINGGA 2 OGOS.

SETAKAT INI LIMA NEGARA AFRIKA -- TANZANIA, KENYA, GHANA, NIGERIA DAN UGANDA -- TELAH PUN MENGISYTIHARKAN PEMULAUAN SUKAN KOMANWEL KERANA MEMBANTAH DASAR KERAJAAN BRITAIN TERHADAP AFRIKA SELATAN.

SEKUTUP LAPORAN-LAPORAN AKHBAR, BEBERAPA NEGARA AFRIKA LAIN SEPERTI ZIMBABWE, ZAMBIA, BOTSWANA DAN SIERRA LEONE AKAN JUGA MENYERTAI PEMULAUAN ITU. -- LAGI  
1211MST 14 07 86

D490

U B153 AAB

MAHATHIR-KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

PERDAN MENTERI BERKATA OLEH KERANA MEMANDANGKAN NEGARA-NEGARA AFRIKA MEMULAUKAN SUKAN ITU, MAKA MALAYSIA AKAN MENENTUKAN PENYERTAANNYA PADA MESYUARAT KABINET MINGGU INI.

SEBIRANYA MALAYSIA MEMULAUKAN SUKAN ITU, IA MERUPAKAN NEGARA ANGGOTA PERTAMA KOMANWEL DI LUAR BENUA AFRIKA BERTINDAK DEMIKIAN.

MALAYSIA MENYENARAIKAN 11 ORANG PESERTA UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM ACARA-ACARA BADMINTON (EMPAT), RENANG (SATU), OLAHRAGA (DUA), KENEMASAN (TIGA) DAN LUMBA BASIKAL (SATU) PADA KEJOHANAN ITU. --  
BERNAMA

1212MST 14 07 86